

KUALA LUMPUR, 2 JULAI (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI MALAYSIA MENSIFATKAN JEPUN SEBAGAI RAKANNYA DALAM PERDAGANGAN DAN PELABURAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU MENAMBAH, WALAUPUN SETENGAH ORANG MEMANGGIL AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN SEBAGAI +ORANG-ORANG JEPUN YANG HODOH+, MALAYSIA TIDAK MENGANGGAR MEREKA SEDEMikian ITU.

BELIAU JUGA YAKIN LAIN-LAIN NEGARA ANGGUTA ASEAN JUGA TIDAK MEMPUNYAI ANGGAPAN SEDEMikian ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AHLI-AHLI PERNIAGAAN ASEAN - JEPUN YANG KEENAM DI SINI.

UCAPANNYA ITU TELAH DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK LEW SIP HON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, KALAU MUNGKIN TERDAPAT SEGELINTIR +ORANG JEPUN YANG HODOH+ YANG MELETAKKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI MENGATASI SEBARANG FAEDAH BERSAMA, TERDAPAT JUGA AHLI-AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA ATAU ASEAN SEDEMikian YANG MENGHARAPKAN KEUNTUNGAN YANG CEPAT MENERUSI TAKTIK PERNIAGAAN YANG KOTOR.

JEPUN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, KERAJAAN MALAYSIA TELAH MENGALAMI BAHAWA UMUMNYA AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN SANGAT BERSEDIA UNTUK MEMAHAMI DAN BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN TUANRUMAH DAN MEMATUHI BERBAGAI-BAGAI PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG YANG DIADAKAN UNTUK BERBAGAI TUJUAN SISIO-EKONOMI.

BELIAU MENAMBAH, AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN DENGAN SUKACITA MEMATUHI PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG TERSEBUT SEKIRANYA MEREKA DIBERI PENJELASAN TENTANG MENGAPA PERATURAN TERSEBUT DIADAKAN DAN BAHAWA KESEMUA PELABUR JUGA DIKENAKAN PERATURAN YANG SAMA.

BAGAIMANAPUN, KADANGKALA PIHAK SWASTA MALAYSIA TELAH BERSUNGUT BAHAWA AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN TERLALU KASAR DAN KERAP CUBA MENDAPATKAN LAYANAN TERBAIK BAGI MEREKA DENGAN MENGGUNAKAN KEKUATAN EKONOMI MEREKA TANPA MEMBERI PERTIMBANGAN TERHADAP KEPERLUAN BAGI FAEDAH BERSAMA JANGKA PANJANG DENGAN RAKAN MALAYSIA MEREKA.

TIDAK SYAK LAGI BAHAWA SEORANG AHLI PERNIAGAAN JEPUN YANG DATANG KE MALAYSIA INI MEMBAWA BERSAMANYA MODAL, KEPAKARAN, TEKNOLOGI, KEMAHIRAN PENGURUSAN DAN HUBUNGAN PASARAN SEBERANGLAUT. —

JEPUN 3 KUALA LUMPUR

AHLI-AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA DAN MUNGKIN JUGA KEBANYAKAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN ASEAN PADA MULANYA TIDAK SEBERAPA YANG DAPAT DITAWARKAN DALAM SESUATU HUBUNGAN PERNIAGAAN.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, DISINILAH KERAJAAN SEBAGAI NEGARA TUAN-RUMAH TURUT CAMPUR TANGAN.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN MEMBERIKAN SATU TEMPOH PENGECEUALIAN CUKAI, PERLINDUNGAN TARIF DAN BERBAGAI LAGI PENGALAKAN DAN DORONGAN BAGI MENGALU-ALUKAN PARA PELABUR ASING.

YANG DEMIKIAN, APA YANG DITAWARKAN OLEH AHLI-AHLI PERNIAGAAN DALAM NEGERI BUKANNYA SEMATA-MATA KEMAHIRAN, PENGETAHUAN DAN HUBUNGAN MEREKA TETAPI JUGA SOKONGAN-SOKONGANNYA DARI SEGI KEMUDAHAN, GALAKAN DAN PELUANG-PELUANG YANG DITAWARKAN OLEH KERAJAAN. 176

MALANGNYA, KADANGKALA APA YANG DITAWARKAN OLEH NEGARA INI SECARA +PACKAGE DEAL+ ITU MUNGKIN DIANGGAP SAJA OLEH PARA PELABUR ASING.

MEREKA MENGANGGAP APA YANG DITAWARKAN OLEH KERAJAAN ITU BERASINGAN DAN TERPISAH DARI APA YANG DITAWARKAN OLEH SEKTOR SWASTA DAN DENGAN DEMIKIAN SIKAP MEREKA BERBEZA APABILA BERURUSAN DENGAN KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA. —BERSAMBUNG 1344/MD

#### JEPUN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP DIALOG SEPERTI INI DAN SEPERTI DI LAIN-LAIN FORAM SERTA HUBUNGAN-HUBUNGAN INDIVIDU DAN PERSENDIRIAN YANG SEMAKIN MENINGKAT BILANGANNYA ANTARA AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN DENGAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN DI RANTAU ASEAN AKAN DAPAT MENGIKIS SIKAP DI KALANGAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN YANG MEMBEZAKAN-BEZA ANTARA HUBUNGAN MEREKA DENGAN KERAJAAN DAN DENGAN SEKTOR SWASTA DI RANTAU INI.

BELIAU MENEKANKAN, SEKIRANYA PERDAGANGAN, PELABURAN DAN PELANCUNGAN HENDAK DIPERTINGKATKAN, MAKA MESTILAH TERDAPAT SALING PERSEFAHAMAN DAN KEPERCAYAAN ANTARA SATU PIHAK DENGAN PIHAK YANG LAIN. KATANYA, +INI AKAN HANYA WUJUD MENÉRSI KESEDARAN BAHAWA DALAM APA JUA PERNIAGAAN YANG DIRANCANGKAN, IA MESTILAH MENDATANGKAN FAEDAH BERSAMA YANG SAMA KEPADA KEDUA-DUA PIHAK — RAKAN JEPUN DAN RAKAN ASEAN.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, ADALAH PENTING JUGA BAGI AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN DAN KERAJAAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BAGI MENJAMIN MAJLIS-MAJLIS DIALOG ANTARA AHLI-AHLI PERNIAGAAN JEPUN - ASEAN YANG BANYAK DIADAKAN ITU MENGHASILKAN PELABURAN YANG BERTAMBAH DI RANTAU INI, PENINGKATAN PERDAGANGAN ANTARA ASEAN DENGAN JEPUN DAN BERTAMBAHNYA ALIRAN PELANCUNGAN DAN KEGIATAN-KEGIATAN YANG ADA KAITANNYA DENGAN PELANCUNGAN ANTARA JEPUN DENGAN ASEAN.

— BERSAMBUNG 1508/YF

#### JEPUN 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JEPUN, ENCIK MASAYOSHI OHIRA DALAM PERUTUSANNYA YANG DIBACAKAN OLEH ENCIK KIICHIRO KITAURA, PENERUSI NOMURA SECURITY

RITIES COMPANY LIMITED BERKATA, HUBUNGAN KERJASAMA ANTARA ASEAN DENGAN JEPUN ADALAH SEMAKIN RAPAT DALAM BIDANG-BIDANG EKONOMI, POLITIK DAN KEBUDAYAAN.

KATANYA, PERDAGANGAN ANTARA ASEAN DENGAN JEPUN TELAH MENINGKAT DENGAN PESATNYA DALAM TAHUN-TAHUN YANG LALU.

EKSPORT JEPUN KE ASEAN TELAH MENINGKAT DARI \$5.9 RIBU JUTA DALAM TAHUN 1975 KEPADA \$8.6 RIBU JUTA TAHUN LALU, SEMENTARA IMPORTNYA JUGA TELAH MENINGKAT DARI \$6.4 RIBU JUTA KEPADA \$9.9 RIBU JUTA DALAM TEMPOH YANG SAMA.

ENCIK OHIRA BERKATA, PELABURAN JEPUN DI ASEAN JUGA TELAH MENINGKAT DARI \$1.4 RIBU JUTA DALAM TAHUN 1973 KEPADA \$5.3 RIBU JUTA TAHUN LALU.

KATANYA, PENINGKATAN TERSEBUT BUKAN HANYA KERANA USAHA-USAHA PENGGALAKAN DARI KERAJAAN-KERAJAAN ASEAN DAN JEPUN TETAPI JUGA KERANA USAHA-USAHA SEKTOR SWASTA. — BERSAMBUNG 1518/YF

#### JEPUN 6 KUALA LUMPUR

PENERUSI MIDA, DATUK JAMIL JAN YANG JUGA PENERUSI JAWATAN-KUASA PENGANJURNYA, BERKATA PERBINCANGAN-PERBINCANGAN DALAM MESYUARAT DUA HARI ITU AKAN BERKISAR MENGENAI PENUBUHAN SATU PERSATUAN EKONOMI ASEAN DAN PERANAN YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH KERAJAAN DAN SEKTOR SWASTA DI NEGARA-NEGARA ASEAN DAN JEPUN DALAM MEMPERCEPATKAN PROSES ITU.

KATANYA, IA JUGA AKAN MENILITI POLA-POLA KERJASAMA ANTARA AHLI-AHLI PERNIAGAAN ASEAN DAN JEPUN DAN KEMUNGKINAN MENUBUHKAN PROJEK-PROJEK PERKONGSIAN PERINDUSTRIAN USAHASAMA.

DATUK JAMIL JAN BERKATA ASEAN GEMBIRA MELIHAT BAHAWA SEKARANG INI TERDAPAT ALIRAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN YANG LEBIH BEBAS ANTARA JEPUN DENGAN DUNIA LUARNYA.

BELIAU BERHARAP INI AKAN BERTERUSAN BAGI MENGUKUHKAN PERANANNYA SEDAGAI RAKAN UTAMA DALAM PERDAGANGAN DAN PELABURAN DI NEGARA-NEGARA ASEAN DI MASA AKANDATANG. — BERNAMA 1536/YF